

**PEMERKASAAN KEHARMONIAN MASYARAKAT  
BERAGAMA: RUJUKAN PENDEKATAN AL-  
BĪRŪNĪ BERDASARKAN KARYANYA  
KITĀB AL-HIND**

*Samsuddin Abd Hamid\*, Khadijah Mohd Hambali @  
Khambali\*\**

\*Fakulti Sains Kemanusiaan. Universiti Pendidikan Sultan  
Idris. 35900. Tanjung Malim, Perak. Malaysia.

\*\*Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. 50603.  
Kuala Lumpur. Malaysia.

Email: \*samsuddin@fsk.upsi.edu.my.

\*\*ijamh@um.edu.my.

**Khulasah**

Keterbukaan media massa dan media elektronik memberi ruang kepada sesetengah golongan yang tidak bertanggungjawab untuk 'menyindir' agama anutan masyarakat seperti melalui penayangan filem *Innocent of Muslims*, luahan ketidakpuasan hati akibat jalanraya dipenuhi sisa buangan buah-buah kelapa dan isu pemakaian serban penganut Sikh yang tidak perlu kepada pemakaian topi keledar berbanding penganut agama lain telah menggugat interaksi sesama penduduk dunia dan turut menggugat keharmonian serta memporak-perandakan lagi hubungan antara umat beragama sehingga mencetus prasangka dan prejudis. Hubungan antara agama yang diwarnai dengan semangat permusuhan ini akan hanya mengancam pembinaan peradaban. Justeru, imej setiap agama anutan wajar segera dipulihkan secara efektif melalui pendekatan ilmu Perbandingan Agama yang diyakini sebagai platform yang menyerlahkan realiti setiap agama anutan dan sekaligus merencamkannya kepada masyarakat dunia. Justeru, makalah ini membincangkan pendekatan al-Bīrūnī salah seorang ilmuwan Muslim melalui karyanya *Kitāb al-Hind* dalam konteks Ilmu

Perbandingan Agama bagi memahami interaksi hubungan antara umat beragama dengan lebih rinci berasaskan perspektif penganut beragama melalui sumber ajarannya yang diyakini suci oleh penganutnya. Perencaman perbahasan ini akan memberikan maklumat yang rinci berhubung pendekatan dalam hubungan masyarakat beragama di samping mampu memangkinkan pembentukan masyarakat yang harmoni.

**Kata Kunci:** Ilmu Perbandingan Agama; Al-Bīrūnī; Keharmonian antara agama.

### **Abstract**

The openness of mass media and electronic media gives space to some irresponsible people for being 'sarcastic' to other religion, take for examples, through a film screening such as the film of Innocent of Muslims, expressions of dissatisfaction due to road filled with waste of coconuts during Thaipusam festival and condemning Sikh for wearing a turban instead of wearing a helmet compared to other faiths. These have sued the interactions among the people of the world, threaten the harmonious life and destroying relationship among religious communities and also trigger prejudice. The relationship between different religion that was tinged with this spirit of hostility would be a threat to the construction of civilization. Thus, the image of every religion soon should be restored fairly and effectively through the science of Comparative Religion approaches, which is believed as a platform to highlight the reality of every religious affiliations and disseminating to the world community. Hence, this paper discusses about al-Bīrūnī as one of the Muslim scholars and his approaches through his treatise named *Kitāb al-Hind* in the context of comparative religion, in order to develop a comprehensive understanding in the interaction between religious communities about their religion through the holy sources which they believed in. This debate will provide detail information on the

approaches in nurturing religious harmony among people within various background of religions and being able to catalyze the formation of a harmonious society.

**Keywords:** Comparative Religion; Al-Bīrūnī; Religious Harmony.

## **Pendahuluan**

Keterbukaan ruang-ruang perkongsian maklumat dan tidak bersempadan telah menonjolkan sikap masyarakat dalam hubungan antara penganut agama. Terdapat segelintir masyarakat yang menjadikan medium ini sebagai satu platform menyindir dan menempelak dengan menggunakan bahasa yang kasar terhadap agama penganut lain telah menggugat interaksi sesama penghuni dunia seperti penayangan filem pendek mengenai Islam iaitu *Innocent of Muslims*, luahan ketidakpuasan hati kepada penganut agama Hindu akibat jalanraya dipenuhi sisa buangan buah-buah kelapa yang digunakan dalam ritual perayaan Thaipusam dan isu pemakaian serban penganut Sikh yang tidak perlu kepada pemakaian topi keledar berbanding penganut agama lain. Malah ia turut menggugat keharmonian dan memporak-perandakan lagi hubungan antara agama sehingga mencetus sikap prasangka dan prejudis.<sup>1</sup> Hubungan antara agama yang diwarnai dengan semangat permusuhan ini akan hanya mengancam pembinaan masyarakat yang harmoni.

---

<sup>1</sup> Lihat Savinder Kaul Gill dan Nirmla Devi Gopal, "Understanding Indian Religious Practices in Malaysia," *Journal of Social Science* (2010), 135-146; Muhammad Qutb, *Salah Faham Terhadap Islam* (Kota Bharu: Dian Darul Naim, 1975). Selain itu, Thameem melalui kajiannya terhadap hubungan antara agama di Malaysia menyatakan bahawa masih terdapat lagi dalam kalangan non-Muslim yang menganggap terdapat dalam kalangan Muslim yang bersikap negatif dalam hubungan mereka dengan *non-Muslim* seperti tidak mahu bekerjasama, *terrorist*, dan lain-lain lagi. Lihat Thameem Ushama dan Abdul Rashid Moten, "Non-Muslim Views About Muslim and Islam in Malaysia," *Intellectual Discourse* 14 (2006), 203-215.

Pembinaan masyarakat yang baik seharusnya berasaskan kepada wujudnya komuniti dan masyarakat yang aman dan bertoleransi.

Bagi memastikan kerukunan hidup bermasyarakat dapat dijana secara harmoni, usaha ke arah itu perlu mencakupi penguasaan kita menangani hubungan sesama penganut agama secara hikmah dan bijaksana. Banyak perkara yang menyebabkan wujudnya ketegangan antara masyarakat disebabkan oleh keyakinan dan anutan agama yang berbeza. Punca utamanya disebabkan oleh tafsiran yang salah terhadap ajaran-ajaran dalam sesuatu agama sehingga wujud gelaran-gelaran yang tidak selari dengan ajaran agama tersebut.<sup>2</sup> Bahkan, sesuatu tafsiran yang dinyatakan terhadap sesuatu agama kadang kala tidak wujud dalam ajarannya mahu pun sumber asasnya. Akhirnya sikap mengambil mudah ini mengundang permusuhan sesama manusia dan menyebabkan persengketaan yang tidak berkesudahan.

Keyakinan terhadap pegangan agama amat penting dalam kehidupan manusia. Secara umumnya, jika kita merujuk kepada ajaran yang terdapat dalam setiap agama di dunia sudah pasti akan ditemui prinsip-prinsip yang menekankan agar penganutnya sentiasa melakukan kebaikan. Hal ini menjelaskan bahawa penganut yang berpegang teguh kepada ajaran agama anutannya seterusnya mempraktikkan ajaran tersebut dengan bersungguh-sungguh sudah pasti dapat merealisasikan kehidupan yang baik. Impak daripada kebaikan tersebut akan tersirna dalam diri individu, masyarakat dan seterusnya negara. Bahkan sesebuah negara yang mempunyai penduduk yang tidak berpegang kepada

---

<sup>2</sup> *Ibid.* Selain itu, Al-Bīrūnī dalam karyanya berjudul *Kitāb Al-Hind* turut mengemukakan kesilapan ilmuwan sebelumnya yang menghuraikan kepercayaan dalam ajaran masyarakat India tetapi merujuk kepada sumber yang tidak tepat sehingga menyebabkan huraianya salah. Lihat Edward Sachau, *Al-Beruni's India* (London: Kegan Paul, Trench, Trubner & Co. Ltd, 1910), 7.

agama sebenarnya lebih terdedah kepada kemusnahan. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Harun Yahya, "A nation without religion cannot survive."<sup>3</sup>

Ibn Khaldūn dalam karya agungnya *al-Muqaddimah* juga menegaskan bahawa kemusnahan sesuatu tamadun disebabkan oleh rendahnya akhlak dalam kehidupan masyarakatnya.<sup>4</sup> Ajaran agama dapat membentuk peribadi manusia menjadi lebih baik, bahkan agama memerintahkan agar penganutnya sentiasa melaksanakan kebaikan. Oleh kerana itu, merujuk kepada ajaran Islam, penganutnya tidak hanya melaksanakan ibadah yang wajib sahaja seperti melaksanakan solat, berpuasa dan mengerjakan haji di Mekah, tetapi mencakupi keyakinan untuk melakukan perkara-perkara kebaikan sebagai prinsip dan pegangan hidup serta dijadikan asas dalam kehidupan. Bahkan nilai-nilai keagamaan dalam diri individu dapat mendorongnya melakukan kebaikan di samping dapat menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang buruk.<sup>5</sup>

Justeru, kajian ini akan menghuraikan kepentingan terhadap faham agama dalam pembinaan masyarakat yang harmoni. Kajian akan mengetengahkan al-Bīrūnī sebagai antara tokoh ilmuwan Muslim yang ulung dan berjaya dalam menerangkan agama lain dengan teliti. Di samping itu juga, beberapa kaedah atau metodologi yang dipraktikkan oleh al-Bīrūnī dalam menghuraikan agama-

---

<sup>3</sup> Harun Yahya, *The Struggle Against the Religion of Irreligion* (Jeddah: Abul-Qasim Publishing House, 2002), 48.

<sup>4</sup> Dihuraikan dalam bab 'Negara dan Kota serta Semua Bentuk Peradaban' dalam, Muhammad Ibn Khaldun, *Mukadimah Ibn Khaldun*, terj. DBP (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 431.

<sup>5</sup> Terdapat kajian yang dilakukan oleh Hazizan Md. Noon mengenai akhlak remaja mendapati nilai keagamaan dalam diri individu dapat meghalangnya dari melakukan perbuatan buruk. Lihat Hazizan Md. Noon *et. al.*, "Religiosity and Social Problem in Malaysia," *Intellectual Discourse* 11 (2003), 77-87.

agama lain dalam karyanya seperti kajian terhadap teks dan kajian terhadap amalan penganut suatu agama akan dinyatakan satu persatu. Akhirnya, kajian ini akan mengetengahkan beberapa elemen berdasarkan metode al-Bīrūnī untuk diterapkan dalam budaya masyarakat bagi memperkasakan keharmonian dalam kalangan anggota masyarakat.

### **Kepentingan Faham Agama dalam Pembinaan Masyarakat Harmoni**

Menurut Samuel Huntington dalam karyanya *The Clash of Civilisation* bahawa agama menjadi salah satu penyebab kepada kegagalan mendirikan sesebuah tamadun.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun, sejarah perkembangan Islam telah membuktikan pendapatnya tidak benar. Islam telah berjaya menjulang ketamadunan manusia berteraskan prinsip-prinsip ajaran Islam yang padu. *Al-Dīn* menjadi titik mula ke arah pembinaan tamadun yang gemilang. Realitinya, agama adalah satu keperluan dalam pembinaan tamadun. Pegangan manusia terhadap agama mampu membentuk insan yang berbudi pekerti dan mempunyai adab yang tinggi sehingga seluruh alam dapat menikmati keluhuran budi yang dihasilkan dari ajaran Islam. Ia bertepatan dengan firman Allah yang menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w adalah pembawa rahmat kepada seluruh alam.<sup>7</sup>

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿٢١٠﴾

<sup>6</sup> Samuel P. Huntington, *Clash of Civilization and the Remaking of World Order 1* (USA: Simon & Schuster, 1996), 321.

<sup>7</sup> Perbincangan agama (sebagaimana yang difahami dari istilah *al-Dīn*) dari sudut bahasa mencakupi maksud yang meliputi asas pembinaan tamadun. Perkataan *al-Dīn* membawa kepada perkataan *mudun*. Lihat huraian dalam Ibn Khaldun; Syed Naquib al-Attas, *Faham Agama dan Asas Akhlak* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2012).

Terjemahan: Dan tiadalah Kami utuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Al-Anbiyā' 21:107

Malah huraian terhadap konsep peradaban menurut Islam amat sinonim dengan konsep adab sebagai satu bentuk pembinaan sifat dalaman insan yang berupaya menzahirkan kebaikan dan menghindari keburukan.<sup>8</sup> Pembangunan negara yang ampuh seharusnya menuju kepada matlamat pembinaan sebuah ketamadunan yang mempunyai elemen-elemen mencakupi pembangunan dari aspek rohani dan jasmani. Peradaban yang dikehendaki menurut perspektif Islam juga berlandaskan kepada pembangunan yang meliputi elemen tersebut. Oleh kerana itu, selain menumpukan kepada pembangunan material, Islam turut mengukuhkannya dengan pembangunan kerohanian.

### **Prinsip Asasi Islam dalam Konteks Hubungan Masyarakat Pelbagai Agama**

Keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat amat dituntut. Dalam konteks perhubungan sosial menurut Islam, ia berteraskan prinsip yang jelas dan utuh serta bersifat praktikal. Pembinaan masyarakat yang bersatu sememangnya memerlukan iltizam dari semua orang tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama. Tidak mustahil kesatuan dapat dibina jika kebaikan dapat ditonjolkan. Konsep saling kenal mengenali bukanlah satu konsep yang asing tetapi seolahnya ia menjadi tabu bagi sesetengah individu dalam kalangan masyarakat kerana sikap prejudis dan salah sangka yang menebal. Justeru, penelitian terhadap beberapa kata kunci al-Quran terhadap hubungan sesama manusia harus diambil perhatian.

---

<sup>8</sup> Lihat huraianya dalam Mahdi Shuid, "Terminologi Peradaban: Sukar Didefinisikan Mudah Dijelaskan," dalam *Wacana Dialog Peradaban* (t.tp.: t.p., 2000), 1.

- i. Manusia dijadikan oleh Allah dengan ciri-ciri dan latar belakang yang pelbagai supaya saling kenal mengenali antara satu sama lain.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا  
وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَمُ ۗ إِنَّ اللَّهَ

عَلِيمٌ حَبِيرٌ

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Al-Hujurat 49:13

- ii. Hubungan sesama manusia perlu dijaga dan diraikan. Hal ini telah ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī.

Daripada Abu Hurairah r.a katanya: "Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, maka janganlah dia menyakiti jiran tetangganya, dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari kemudian maka hendaklah dia memuliakan tetamunya, dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan



hari kemudiannya, maka hendaklah dia berbicara yang baik-baik sahaja.”<sup>9</sup>

- iii. Perbezaan pendapat adalah satu *rahmah* yang membawa kepada konsep ketaatan kepada Allah dan kebertanggungjawaban manusia terhadap perintah mengajak kepada kebaikan dan menghindari perkara keburukan.

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَهُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ يُدْخِلُ مَنْ يَشَاءُ فِي رَحْمَتِهِ ۗ وَالظَّالِمُونَ مَا لَهُمْ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٦٨﴾

Terjemahan: Dan jika Allah menghendaki, tentulah Dia menjadikan mereka satu umat (yang bersatu dalam agama Allah yang satu); akan tetapi Allah (tidak merancang yang demikian bahkan Dia akan) memasukkan sesiapa yang dikehendaki-Nya ke dalam rahmat-Nya (menurut peraturan yang telah ditetapkan); dan orang-orang yang zalim tidak ada baginya sesiapaupun yang dapat memberikan perlindungan dan pertolongan.

Al-Syūrā 42:8

- iv. Saranan terhadap pemupukan sikap toleransi sebagaimana firman Allah iaitu:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan

<sup>9</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li al-Imām Abī 'Abdillāh Muḥammad bin Ismā'īl*, Juz 5, Kitab 81, Bab 31, No. 5672 (Beirut: Dār Ibn Kathir dan Al-Yamamah, t.t.).

dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

al-Nahl 16:125

Tidak dapat dinafikan, usaha ke arah pemeraksanaan keharmonian masyarakat yang berlatar belakangkan pelbagai agama sentiasa diutamakan. Pelbagai program dialog antara agama turut dianjurkan.<sup>10</sup> Bahkan, ia turut meliputi kerjasama antara agamawan dalam memantapkan dasar-dasar negara dalam pelbagai perkara.<sup>11</sup>

### **Pengenalan Latar Belakang Al-Bīrūnī dan Karyanya *Kitāb al-Hind***

Al-Bīrūnī seorang tokoh yang tidak asing lagi dalam kalangan umat Islam kerana sumbangannya dalam bidang intelektual amat besar. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai tokoh yang mempunyai kepakaran dalam bidang sains, malah beliau juga dikenali dalam bidang keagamaan merujuk kepada hasil karyanya yang mempunyai nilai yang begitu tinggi. Lebih khusus lagi, beliau dianggap sebagai tokoh ilmu perbandingan agama yang diiktiraf oleh ilmuwan Islam dan ilmuwan dari pelbagai latar belakang agama yang lain. Oleh kerana itu, tidak mustahil karyanya banyak diterjemahkan dalam pelbagai bahasa.

---

<sup>10</sup> Stesen penyiaran televisyen al-Hijrah menjadi salah satu stesen penyiaran yang menerajui usaha menggiatkan aktiviti dialog antara agama secara tersusun.

<sup>11</sup> Dalam perkembangan terkini, Institut Kefahaman Islam Malaysia dengan kerjasama Majlis Bio Negara mengadakan perbincangan mengenai *Bio-Ethic* dari perspektif agama-agama di Malaysia. Lihat [www.ikim.gov.my](http://www.ikim.gov.my).

Karya al-Bīrūnī yang khusus dalam bidang ilmu perbandingan agama ialah *Athār al-Baqiya* dan *Kitāb al-Hind*. Kajiannya terhadap agama-agama mencapai validitasi yang tinggi kerana pendekatan yang dilakukan dalam kajiannya seperti melakukan penelitian terhadap ajaran sesuatu agama dengan merujuk teks sucinya, interaksinya dengan penganut agama lain dan pelbagai kaedah lain lagi dapat mengesahkan perkara-perkara yang diketengahkan. Karyanya *Kitāb al-Hind* juga telah diakui oleh ramai pengkaji bahawa huraiannya merujuk kepada sumber-sumber yang tepat.<sup>12</sup> Bahkan, hujahnya dalam kitab tersebut turut dijadikan sandaran oleh tokoh-tokoh selepasnya dalam membentangkan kebenaran terhadap sesuatu perkara seperti Mahmud Ali Himyah yang melakukan kajian terhadap Ibn Hazm mengenai huraiannya terhadap konsep ketuhanan dalam ajaran Hindu telah membandingkan pendapat Ibn Hazm dengan pendapat al-Bīrūnī dan menyatakan kesimpulan bahawa pendapat al-Bīrūnī yang menyatakan bahawa Brahma adalah Tuhan Pencipta menurut keyakinan penganut agama tersebut lebih tepat berbanding pendapat Ibn Hazm yang menganggap pengikut Brahma adalah berasal dari keturunan Burhum.<sup>13</sup>

Mengenai latar belakang peribadi al-Bīrūnī, nama sebenar beliau ialah Abū Rayḥān Muḥammad ibn Aḥmad al-Bīrūnī. Beliau turut dikenali dengan nama Abū Rayḥān dan juga al-Bīrūnī. Nama al-Bīrūnī diambil sempena nama tempat kelahirannya iaitu di Bīrūn, Khawarizm. Beliau

---

<sup>12</sup> Ghayasuddin, "Varahamihira, the Best Sanskrit Source of al-Biruni on India Jyotisha" (makalah, *Proceedings of the Symposium on al-Biruni and Indian Sciences*, 1971); Hilman Latief, "Comparative Religion in Medieval Muslim Literature," *The American Journal of Islamic Social Sciences* 23 (t.t.), 28-62 dan Kamar Oniah Kamaruzzaman, "Al-Biruni: Father of Comparative Religion," *Intellectual Discourse* 11 (2003), 113-138.

<sup>13</sup> Maḥmūd `Alī Ḥimyah, *Ibn Hazm wa Minhājūh fī Dirāsah al-Adyān* (Jakarta: Penerbit Lentera. 2001), 249-250.

lahir pada tahun 362 Hijrah bersamaan 973 Masihi dan wafat pada tahun 443 Hijrah bersamaan 1051 Masihi.<sup>14</sup>

Selain al-Bīrūnī, terdapat juga ramai tokoh ilmuwan Islam yang lain telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang Ilmu Perbandingan Agama. Malah mereka turut menghasilkan karya-karya mengenai agama-agama lain. Antara beberapa nama tokoh ilmuwan Islam yang mendahului al-Bīrūnī dalam bidang ini sebagai mengiktiraf sumbangan mereka ialah al-Jāhiz (w. 255H) dengan karyanya berjudul *Risālah fī Radd `alā al-Naṣārā* dan al-Qādī `Abd al-Jabbār (w. 415H) dengan karyanya *al-Mughnī*. Selepas al-Bīrūnī pula muncul Ibn Ḥazm (w. 456H) menulis karya bertajuk *al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā' al-Niḥal* dan al-Syahrastānī (w. 548H) dengan karyanya *al-Milal wa al-Niḥal*.<sup>15</sup>

Karya al-Bīrūnī yang diketengahkan dalam kajian ini ialah *Kitāb al-Hind* iaitu kitab yang bertajuk *Tahqīq mā lī al-Hind min Maqūlah Maqbūlah fī al-'Aql au Marzūlah* yang bermaksud 'kajian mengenai India terhadap hujah-hujah yang boleh diterima oleh akal atau tertolak'. Al-Bīrūnī menghuraikan mengenai keyakinan mereka terhadap ketuhanan, falsafah, sistem kasta, sains, agama, undang-undang, adat, kepercayaan, bahasa, geografi dan pengetahuan mereka terhadap ilmu kaji bintang.<sup>16</sup> Karya

---

<sup>14</sup> Terdapat beberapa pandangan mengenai tahun kelahirannya dan tempat kelahirannya. Namun demikian, pendapat yang dinyatakan di atas merupakan pandangan kebanyakan pengkaji yang telah dipersetujui. Tambahan daripada itu, perbezaan pendapat mengenai perkara tersebut tidak dapat menafikan sumbangannya dalam bidang keilmuan kerana sumbangannya masih dapat dijejaki pengkaji sehingga kini.

<sup>15</sup> Terdapat ramai lagi ilmuwan Islam yang menulis mengenai ajaran agama-agama di dunia. Lihat huraian dalam Mohd Sani Badron, *Ibn Arabi's Conception of Religion* (Kuala Lumpur: IKIM, 2012), 13-26.

<sup>16</sup> Bobojan Gaforov, "Al-Biruni: A Universal Genius Who Lived in Centural Asia a Thousand Years Ago," dalam *The Unesco Courier* (New York: H. W. Wilson Co., 1974), 7.

ini turut mendapat perhatian ramai pengkaji dari pelbagai latar belakang pengkajian termasuklah bidang agama, sejarah, sains dan lain-lain lagi.<sup>17</sup> C. Edward Sachau telah menterjemahkan kitab tersebut ke dalam bahasa Inggeris dengan tajuk *Al-Beruni's India*.<sup>18</sup>

### **Metodologi Penulisan *Kitāb al-Hind***

Kajian terhadap *Kitāb al-Hind* akan dapat merumuskan metodologi penulisan yang diguna pakai oleh al-Bīrūnī berpandukan pernyataan-pernyataannya yang terdapat di dalam kitab tersebut. Beliau adalah tokoh yang mengaplikasikan kaedah saintifik dalam ilmu Perbandingan Agama. Beberapa kaedah yang dapat dirumuskan berdasarkan penulisan beliau dalam *Kitāb al-Hind* ialah sebagaimana berikut:

#### **a. Objektiviti dalam Kajian**

Penelitian terhadap agama anutan penganut lain hendaklah dilakukan secara berhati-hati dan perlu dilihat dalam pelbagai sudut sama ada mengenai keyakinan penganutnya terhadap tuhan, amalan-amalan keagamaan, cara hidup dan pelbagai lagi. Oleh yang demikian, al-Bīrūnī amat mengambil berat mengenai skop pemerhatiannya dan sumber-sumber yang berkaitan dengan setiap huraian tersebut. Beliau berusaha mengelakkan daripada mengambil maklumat yang tidak tepat dan melakukan salah tafsiran terhadap huraian mengenai ajaran agama dan keadaan masyarakat di India

---

<sup>17</sup> Kamar Oniah Kamaruzzaman, *Early Muslim Scholarship in Religionwissencharft: A Case Study of the Works and Contributions of Abu Rayhan Muhammad Ibn Ahmad al-Biruni*, (tesis kedoktoran, ISTAC, Kuala Lumpur, 1996).

<sup>18</sup> Edward Sachau, *Al-Beruni's India* (London: Kegan Paul, Trench, Trubner & Co. Ltd., 1910). Selain itu, kitab al-Bīrūnī lain yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris ialah kitab *Athar al-Bakiya* bertajuk *The Chronology of Ancient Nations*. Lihat Edward Sachau, *The Chronology of Ancient Nations* (London: Whilliam H. Allen and Co., 1879).

sehingga dipertanggungjawabkan terhadap perkara-perkara tersebut.

Beberapa aspek objektiviti yang dapat dinilai melalui pernyataan-pernyataan beliau di dalam *Kitāb al-Hind* ialah sebagaimana berikut:

- i. Penulisananya berasaskan keinginan untuk menghuraikan kehidupan sebenar mereka. Al-Bīrūnī mempunyai tujuan yang jelas dalam penulisan *Kitāb Al-Hind* sebagaimana pernyataannya:

“...ini adalah kitab yang menghuraikan mengenai sejarah dan menyatakan mengenai *al-Hind* sebagaimana sifat mereka.”<sup>19</sup>

- ii. Kebanyakan huraian di dalam kitab tersebut dinyatakan berdasarkan keyakinan mereka tanpa dibuat kritikan. Hal ini berdasarkan pernyataannya:

“...dan menulis mengenai doktrin Hindu, tanpa melakukan pertentangan terhadap mereka...”<sup>20</sup>

“..saya menghuraikannya tanpa melakukan kritikan (terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan masyarakat di India) kecuali terdapat perkara yang munasabah untuk melakukannya.”<sup>21</sup>

- iii. Mengekalkan istilah yang digunakan oleh mereka sama ada mengenai kepercayaan mahupun penggunaan sesuatu istilah dalam bahasa Sanskrit. Oleh kerana itu menurut Anas Malik Toha, al-Bīrūnī menggunakan gelaran *al-Barāhimah* terhadap

---

<sup>19</sup> Al-Bīrūnī, Abū Rayḥān Muḥammad Ibn Aḥmad, *Tahqīq mā lī al-Hīnd min Maqūlah Maqbūlah fī al-'Aql au Marzūlah* (Hyderabad: Matba'ah Majālis Dāirah al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah, 1958), 5; Sachau, *Al-Beruni's India*, 7.

<sup>20</sup> al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 5; Sachau, *Al-Beruni's India*, 7.

<sup>21</sup> Sachau, *Al-Beruni's India*, 25.

penganut kepercayaan *Brahma* berbanding Sachau yang menggunakan istilah Hindu terhadap kepercayaan di India.<sup>22</sup> Al-Bīrūnī turut menyatakan sebagaimana berikut:

"...saya menyebutkan nama-nama dalam bahasa Sanskrit yang penting dan terma-terma teknikalnya apabila ia diperlukan dalam perbahasan mengikut konteksnya...dengan cara ini, kita dapat membantu memahami terminologinya."<sup>23</sup>

Kajiannya dapat menjelaskan realiti keyakinan masyarakat India dalam keagamaan. Oleh kerana itu, kajian terperinci yang dilakukan terhadap penulisan *Kitāb al-Hind* oleh para pengkaji lain menemui secara tepat huraian yang dilakukan oleh beliau. Malah, kajian mengenai bidang astronomi dalam masyarakat India yang terdapat dalam *Kitāb al-Hind* juga merujuk kepada tokoh yang diiktiraf oleh masyarakatnya iaitu Varahamihira.<sup>24</sup>

Sikap objektiviti ini mampu memberi kefahaman sebenar keyakinan penganutnya dalam beragama. Oleh yang demikian tidak mustahil penulisan al-Bīrūnī mendapat pujian oleh pengkaji lain seperti dinyatakan oleh Jacques Boilet sebagaimana berikut:

*"He showed great religious tolerance and doctrinal objectivity. Above all, he wanted to learn and understand. He was relatively*

---

<sup>22</sup> Umumnya, Hindu adalah gelaran yang diberikan terhadap penganut yang mempercayai ketuhanan Brahma sebagai tuhan yang mutlak, namun ia telah diterima oleh penganutnya secara kolektif. Secara khusus, mereka menamakan agama mereka sebagai *Sanatana Dharma*. Lihat huraian dalam Samsuddin Abd Hamid, "Konsep Monteisme dalam Aliran Saivisme: Analisis menurut Perspektif Islam" (disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

<sup>23</sup> Sachau, *Al-Beruni's*, 25.

<sup>24</sup> Ghayasuddin, "*Varahamihira, the Best Sanskrit*".

*unprejudiced but prepared to take a courageous stand in defence of truth. He was one of the first Muslims to study the philosophy and science of India sympathetically, and in exchange he taught those of Greece.*"<sup>25</sup>

Menurut E. Sachau pula dalam analisisnya terhadap *Kitab al-Hind* menyatakan bahawa:

*"The book he has produced is not a polemical one. He will not convert the Hindus, nor lend a direct help to missionary zealots. He will simply describe Hinduism, without identifying himself with it. He take care to inform the reader that he is not responsible for whatsoever repugnant details he has to relate, but the Hindu themselves. He gives a repertory of information on Indian subjects, destined for the use of those who lived in peaceable intercourse and wish to have an insight to their mode and world of thought."*<sup>26</sup>

Namun demikian, sudah pasti objektiviti menurut al-Bīrūnī berbeza dengan objektiviti sebagaimana difahami dalam konteks Barat di mana menurut pemikir Barat, nilai objektiviti ialah pemerhatian terhadap sesuatu perlu dibuat tanpa melakukan sebarang bentuk penilaian dan tanpa dipengaruhi oleh pandangan pengkaji terhadap objek kajian. Menurut W. C. Smith sebagaimana dipetik oleh Anas Malik Toha, sikap objektif dalam sesuatu kajian dapat dibuktikan apabila segala pernyataan mengenai sesuatu agama dapat disahkan oleh penganut agama tersebut sahaja.<sup>27</sup>

---

<sup>25</sup> Jacques Boilet, "The Long Oddysey in the Footsteps of Muslim Scholar Through a World in Ferment," *The Unesco Courier*, 10.

<sup>26</sup> Sachau, *Al-Beruni's India*, xxiii.

<sup>27</sup> Perbahasan mengenai makna objektif dalam kajian-kajian agama telah dirumuskan oleh Anas Malik Toha dalam kajiannya. Sila rujuk



Jacques Waardenburg pula menyimpulkan bahawa pandangan Muslim terhadap penganut agama lain dipengaruhi oleh ajaran-ajaran yang terdapat dalam agama Islam.<sup>28</sup> Namun pandangannya terhadap al-Bīrūnī berbeza dari kesimpulan tersebut kerana beliau membuat kesimpulan bahawa al-Bīrūnī sentiasa merujuk kepada sumber ajaran agama Hindu, tidak menjustifikasikannya sendiri, berpandukan observasi dan bersifat deskriptif, maka al-Bīrūnī dilihat telah melaksanakan kajiannya dengan tepat.<sup>29</sup> Jelasnya, menurut al-Bīrūnī, persoalan tentang ajaran-ajaran keagamaan haruslah ditujukan kepada orang yang selayaknya menjawab seperti orang yang berilmu dalam kalangan penganut agama tersebut dan menguasai ilmu tentang sesuatu perkara dengan sebaiknya, bukan mendapatkan maklumat dari sumber yang tidak absah.<sup>30</sup>

Dalam disiplin ilmu Perbandingan Agama, metode yang amat berkait rapat dengannya ialah metode *epoche* dan fenomenologi.<sup>31</sup> Pengiktirafan terhadap metode yang wujud dalam pelbagai istilah ini menunjukkan kepentingan kajian dilakukan secara khusus dan berdasarkan hujah-hujah yang berlandaskan kepada asas yang kukuh melalui sumber-sumber yang absah diyakini penganut sesuatu agama.

---

Anas Malik Toha, "Objectivity and the Scientific Study of Religion,"  
*Intellectual Discourse* 17 (2009), 83-92.

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> *Ibid.* Namun merujuk kepada karya-karyanya dapat menunjukkan pendiirannya terhadap status sesuatu agama. Di dalam *Kitāb al-Hind*, beliau telah membezakan antara ajaran yang benar dengan ajaran yang salah. Di dalam *Kitāb al-Athār*, al-Bīrūnī turut menghuraikan bentuk-bentuk penyelewengan dalam keyakinan beragama.

<sup>30</sup> Perkara ini dihuraikan dengan lebih lanjut dalam sub topik Sumber Rujukan Berautoriti.

<sup>31</sup> Kamal Ateman, *Understanding Other Religion: Al-Biruni and Gadamer Fusion* (Washington DC: The Council for Research in Values and Philosophy, 2008), 63-64.

### **b. Penguasaan Ilmu dalam Bidang Berkaitan**

Perjalanan al-Bīrūnī ke India boleh disifatkan sebagai satu perjalanan ilmiah kerana beliau berjaya menguasai pelbagai ilmu yang berkaitan dengan masyarakat di India dengan baik dalam pelbagai bidang. Dalam bidang keagamaan khususnya, beliau telah menghuraikan konsep ketuhanan, teks suci, amalan keagamaan dan perayaan. Beliau juga dapat memahami bidang yang diminatinya iaitu ilmu sains menurut ilmuwan di India dengan baik sehingga beliau turut dijadikan sebagai tempat rujukan ilmu oleh segolongan masyarakat di India yang ingin mendalami bidang tersebut.

Namun demikian, berdasarkan pernyataannya di dalam *Kitāb al-Hind*, beliau sebenarnya telah menguasai beberapa bidang ilmu sebelum bermastautin di India. Oleh kerana itu, beliau dapat mengatasi kesukaran-kesukaran yang ditempuhinya semasa berada di sana. Malah, berdasarkan keilmuannya juga beliau dapat berinteraksi dengan masyarakat di sana dengan baik. Beliau telah menguasai bidang keagamaan sebelum menetap di India. Karya penulisannya yang terkenal ialah *Kitāb al-Athar al-Bakiya* merupakan bukti keilmuannya. Kitab tersebut menghuraikan mengenai ajaran dalam pelbagai agama yang wujud di dunia. Berdasarkan kitab tersebut juga menunjukkan al-Bīrūnī telah menguasai perbincangan yang berkaitan dengan ilmu perbandingan agama. Selain itu beliau juga telah mengkaji dua buah kitab yang penting dalam masyarakat India iaitu teks Samkhya (al-Bīrūnī: سانك) dan Patanjali (al-Bīrūnī: بيانتجل) dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab.<sup>32</sup>

Al-Bīrūnī turut menguasai bidang ilmu yang lain seperti bidang astronomi. Beliau telah menjelaskan di dalam *Kitāb al-Hind* bahawa pengetahuannya dalam bidang ilmu astronomi telah menjadikan beliau mudah didampingi oleh golongan terpelajar dalam kalangan

---

<sup>32</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 6.

masyarakat di India. Malah penguasaannya terhadap bidang astronomi tersebut membuatkan beliau mendapat perhatian mereka seterusnya dapat berinteraksi mengenai ilmu tersebut. Menurut al-Bīrūnī, masyarakat India telah dipupuk dengan sifat ketinggian serta kesucian kepada ilmu yang dimiliki oleh mereka mengatasi bangsa-bangsa lain.<sup>33</sup>

### c. Sumber Rujukan Berautoriti

Pengetahuan al-Bīrūnī mengenai keyakinan penganut agama lain turut dibantu oleh usahanya memahami ajaran agama tersebut melalui teks-teks suci agamanya. Kefahaman seseorang terhadap sesuatu agama melalui perantara atau sumber kedua sudah pasti berbeza jika dibandingkan dengan penelitian yang dibuat terus terhadap sumber ajaran agama tersebut. Al-Bīrūnī menekankan ketelitian memperolehi sumber dengan melakukan rujukan terus kepada sumber-sumber asas penganut agama di India. Penelitian beliau terhadap karya yang menyentuh mengenai keagamaan masyarakat di India pada zamannya didapati tidak merujuk kepada sumber primer sebaliknya hanya merujuk kepada sumber sekunder. Beliau amat menekankan agar penelitian terhadap sesuatu agama haruslah merujuk kepada teks-teks suci. Beliau juga berusaha mendapatkan penjelasan daripada golongan ilmuwan dalam kalangan masyarakatnya yang menguasai ilmu dengan sebaiknya.

Perbincangan yang dikemukakan oleh al-Bīrūnī mengenai kepercayaan masyarakat di India sebagaimana yang dikaji oleh Sachau menemukan beberapa teks yang menjadi rujukan dan sandaran al-Bīrūnī. Antaranya seperti teks *Samkhya* oleh Kapila, *Patanjali* daripada Gita, teks *Vishnu Dharma*, *Vishnu Purana*, *Matsya Purana*, *Vayu Purana* dan *Aditya Purana*.<sup>34</sup>

---

<sup>33</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 18; Sachau, *Al-Beruni's India*, 23.

<sup>34</sup> Sachau turut menyenaraikan teks lain yang menjadi rujukan al-Bīrūnī dalam bidang-bidang lain yang terdapat di dalam *Kitāb al-Hind*

Merujuk kepada *Kitāb al-Hind*, beliau turut mengakui bahawa terdapat kesukaran memahami agama mereka kerana kekangan yang banyak terutamanya dari aspek bahasa.<sup>35</sup> Namun, ia tidak menghalang beliau menghuraikan keyakinan penganutnya kerana beliau berusaha menguasai bahasa tersebut iaitu bahasa Sanskrit. Bahkan beliau dapat memahami teks *Samkhya* dan *Patanjali* sebagaimana dihuraikan di atas.

#### **d. Dialog dalam Hubungan Masyarakat**

Apabila al-Bīrūnī berada dalam kalangan masyarakat di India yang didapati terdapat banyak perbezaan dengannya, beliau tidak menjadikan perbezaan tersebut sebagai penghalang untuk memahami kehidupan mereka. Dalam *Kitāb al-Hind*, beliau menyatakan bahawa beliau turut menjalinkan hubungan dengan masyarakat di sana bagi memudahkan perhubungan dan mengetahui keyakinan mereka dengan lebih mendalam. Wujudnya interaksi antara al-Bīrūnī dengan masyarakat pelbagai lapisan untuk memahami keyakinan masyarakatnya secara menyeluruh sehingga beliau dapat mengenal pasti perbezaan dalam keyakinan terhadap ketuhanan yang dimiliki oleh golongan yang dinamakannya sebagai "Khusus" dan "Am". Di samping itu, beliau turut memilih golongan yang tepat dan berautoriti untuk memahami sesuatu perkara agar dapat menghuraikan kajiannya secara tepat. al-Bīrūnī menyatakan:

*"...At first I stood to their astronomers in relation of a pupil to his master, being a stranger among them... On having some progress, I began to show them the elements on which this science rests."*<sup>36</sup>

---

seperti bidang astronomi, sejarah, geografi dan lain-lain lagi. Lihat Sachau, *Al-Beruni's India*, xxv dan xxxix.

<sup>35</sup> *Ibid.*, 17.

<sup>36</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 18; Sachau, *Al-Beruni's India*, 23.

*"I have found it very hard to work my way into the subject...and in procuring for myself, even from very remote places, Hindu scholars who understand them and are able to teach me."*<sup>37</sup>

### **Pendekatan al-Bīrūnī dalam Karya *Kitāb al-Hind* dan Penghayatan Terhadapnya**

Penglibatan beliau dalam pelbagai bidang keilmuan telah membentuk ketinggian nilai peribadinya sehingga tertonjol sikap berhati-hati dan ketelitiannya menghasilkan karya yang bersifat ilmiah. Beliau telah menzahirkannya melalui interaksi bersama masyarakat di India bagi menerokai kehidupan mereka dalam pelbagai aspek.

Merujuk kepada pendahuluan di dalam kitabnya sahaja, dapat disoroti pelbagai elemen yang amat ditekankan oleh al-Bīrūnī dalam mendekati dan memahami masyarakat di India. Justeru, beberapa prinsip pembinaan hubungan sesama masyarakat yang boleh dihayati daripada pendekatan al-Bīrūnī dalam karya *Kitāb al-Hind* ialah seperti berikut:

#### **a. Mengenali sesuatu golongan melalui kaedah yang kolektif**

Pembentukan sesebuah masyarakat yang saling kenal mengenali seharusnya dilakukan dengan cara yang betul dan disertai iltizam yang tinggi. Al-Bīrūnī telah menunjukkan bahawa perlunya usaha yang bersepadu untuk memahami sesebuah masyarakat agar melalui usaha tersebut, kefahaman tersebut akan ditanggapi sebaiknya.

Menurutnya, terdapat dua elemen yang amat penting dalam menghuraikan sesuatu khabar iaitu, pertama; pembuktian penyaksian (*eye-witness*), dan kedua; perkataan.<sup>38</sup> Pembuktian penyaksian tidak akan sama dengan perkataan kerana sesuatu yang disaksikan oleh pengkaji adalah hasil pemerhatiannya pada waktu dan

<sup>37</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 18; Sachau, *Al-Beruni's India*, 24.

<sup>38</sup> al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 1; Sachau, *Al-Beruni's India*, 3.

tempat kejadian. Pembuktian penyaksian penting bagi menentukan keabsahan sesuatu perkara, namun tidak dapat dinafikan perkataan juga penting bagi melanjutkan perbahasan mengenai sesuatu perkara. Hasil penulisan menurut al-Bīrūnī adalah sebahagian daripada elemen penyampaian dalam bentuk perkataan.

Justeru, penyampaian sesuatu khabar tidak harus terpisah dengan pembuktian penyaksian. Bahkan sekiranya tidak wujud penulisan, maka sejarah amat sukar untuk disoroti dan dipelajari. Dalam hal ini, penekanan al-Bīrūnī sebenarnya tertumpu kepada ketelitian mendapatkan sumber bagi menghuraikan sesuatu perkara. Kedua-dua elemen tersebut juga penting dalam memahami keadaan dan keyakinan sesuatu agama terutamanya dalam menjelaskan perkembangan sesuatu bentuk keyakinan keagamaan. Tuntasnya, pengetahuan dan kefahaman terhadap sesuatu agama seharusnya mengambil kira kedua-dua elemen tersebut.

#### **b. Mengenali dan memahami sesuatu golongan berdasarkan sumber yang tepat**

Al-Bīrūnī menegaskan bahawa usahanya menghuraikan pelbagai elemen berkaitan masyarakat di India ialah supaya memudahkan masyarakat lain memahami kehidupan dan keyakinan mereka. Penulisan *Kitāb al-Hind* ini dianggapnya sebagai bahan rujukan awal yang boleh digunakan untuk mendapatkan gambaran umum masyarakat di India pada ketika itu sebagaimana pernyataannya iaitu untuk "memudahkan para pengkaji selainnya dan menjadikan penulisannya sebagai rujukan awal berinteraksi dengan masyarakat India".<sup>39</sup> Ia turut didorong oleh sebab ketiadaan sumber yang bersifat primer pada waktu itu mengenai masyarakat India dalam bahasa yang mudah difahami terutamanya oleh Muslim yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa utama.

---

<sup>39</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 3; Sachau, *Al-Beruni's India*, 7.

Beliau amat optimis menyatakan bahawa kajiannya merupakan bahan yang perlu disoroti untuk memahami masyarakat di India kerana beliau meyakini bahawa sumber yang diperolehinya untuk menghuraikan kitab tersebut merupakan sumber yang tepat.

Selain itu, sikap adil yang harus dizahirkan pengkaji apabila melakukan penelitian terhadap sesuatu ajaran agama amat ditekankan al-Bīrūnī. Jelas kebimbangan beliau terhadap kajian yang dilakukan oleh ilmuwan sebelumnya yang mengambil jalan mudah menghuraikan mengenai ajaran sesuatu agama dapat dizahirkan sebagaimana pernyataannya di dalam *Kitāb al-Hind*. Terdapat pengkaji sebelum beliau yang dipercayai menulis mengenai kepercayaan masyarakat India dengan tidak merujuk kepada golongan agamawan dalam kalangan mereka sebaliknya hanya mengutip dari sumber yang tidak dapat dipastikan keabsahannya.<sup>40</sup> Kritikan beliau terhadap perkara tersebut amat kukuh kerana ia berdasarkan pengetahuannya mengenai keyakinan penganut masyarakat di India tersebut. Justeru, beliau ingin menekankan pentingnya melakukan kajian secara tepat berlandaskan sumber-sumber yang absah sebagaimana yang dilaksanakan oleh beliau.

Beliau turut menekankan sikap kewaspadaan dalam menerima maklumat kerana menurutnya terdapat beberapa kecenderungan manusia yang boleh menyebabkan maklumat yang disampaikan tidak benar iaitu:

- i. Orang yang berbohong kerana mempunyai sesuatu kepentingan sama ada mempertahankan kaumnya atau kerana menyerang sesuatu kaum yang bertentangan dengannya;
- ii. Orang yang mengeluarkan pendapat berdasarkan kecenderungannya sama ada meminati seseorang atau kerana memusuhi seseorang;

---

<sup>40</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 3; Sachau, *Al-Beruni's India*, 5.

- iii. Seseorang yang menyampaikan berita kerana ingin memenuhi keperluannya sama ada disebabkan oleh habuan yang diterima atau kerana takutkan sesuatu;
- iv. Seseorang yang menjadi pembohong kerana sifat tersebut yang sudah sebatian dengan dirinya; dan
- v. Seseorang yang mengatakan sesuatu hasil kerana kebodohnya

Oleh kerana itu, penelitian terhadap sumber yang dijadikan rujukan merupakan satu elemen penting bagi memastikan ketinggian nilai seorang pengkaji dan keabsahan kajiannya.

### c. Gesaan untuk saling kenal mengenali

Bagi al-Bīrūnī, walaupun berbeza pandangan dan keyakinan, ia tidak boleh dijadikan halangan untuk mendekati penganut agama lain dan memahami perbezaan-perbezaan yang wujud. Malah menurutnya ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

*"...at the same time not considering it inconsistent with my duties as a Muslim to quote their own words at full length when I thought they would contribute to elucidate the subject."*<sup>41</sup>

Jelas berdasarkan pernyataan beliau tersebut dapat menggambarkan keteguhan prinsip beliau terhadap penghayatan nilai-nilai ajaran Islam dalam konteks perhubungan sesama manusia. Perbezaan-perbezaan yang wujud sebagaimana dinyatakan oleh al-Bīrūnī di dalam pendahuluan *Kitāb al-Hind* membuktikan beliau tidak mengambil ringan akan hal tersebut dan menjadikan perbezaan tersebut sebagai panduan kepadanya ketika berinteraksi dengan masyarakat di India.

---

<sup>41</sup> Sachau, *Al-Beruni's India*, 7.



**d. Pengetahuan terhadap sensitiviti sesuatu kumpulan mampu meregangkan dan menghindari ketegangan**

Menurut al-Bīrūnī,

"... banyak perkara yang timbul merumitkan dan menjadi penghalang akan jelas sekiranya terdapat perhubungan (komunikasi) antara kita. Beberapa penghalang yang memisahkan kita terdiri daripada beberapa perbezaan<sup>42</sup>...iaitu dari sudut bahasa<sup>43</sup>, ...kepercayaan<sup>44</sup>, ...adat resam<sup>45</sup>, ...kepercayaan agama yang berlainan iaitu antara Shamaniyah dan Barahimah<sup>46</sup> ...dan sifat kesukuan yang tinggi<sup>47</sup>."

Penelitiannya terhadap kehidupan masyarakat di India membolehkan beliau mengetahui kepercayaan mereka dalam pelbagai perkara sama ada dalam bentuk tuntutan mahupun larangan. Dalam hal ini, antara perbezaan-perbezaan yang dikenalpasti oleh beliau ialah perbezaan dari sudut bahasa, kepercayaan agama, adat resam, perbezaan kepercayaan agama dalam satu bangsa dan sifat kesukuan yang tinggi. Beliau mendapati bahawa perbezaan-perbezaan tersebut telah mewujudkan beberapa tanggapan terhadap masyarakat luar selain mereka seperti kesuciannya berbanding bangsa-bangsa yang lain (Al-Bīrūnī: مَلِيج; Sachau: *Mleccha*)<sup>48</sup> dan kemuliaan bangsanya berbanding bangsa lain dalam pelbagai perkara seperti dalam bidang perubatan, kenegaraan dan keagamaan.<sup>49</sup> Namun al-Bīrūnī berusaha menangani kekangan tersebut

<sup>42</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 13; Sachau, *Al-Beruni's India*, 17.

<sup>43</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 13; Sachau, *Al-Beruni's India*, 17.

<sup>44</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 14; Sachau, *Al-Beruni's India*, 19.

<sup>45</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 15; Sachau, *Al-Beruni's India*, 20.

<sup>46</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 15; Sachau, *Al-Beruni's India*, 21.

<sup>47</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 18; Sachau, *Al-Beruni's India*, 22.

<sup>48</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 14; Sachau, *Al-Beruni's India*, 19.

<sup>49</sup> Al-Bīrūnī, *Al-Hind*, 17; Sachau, *Al-Beruni's India*, 22.

dengan baik berdasarkan usaha yang dinyatakan seperti melalui penguasaan bahasa dan penguasaan ilmu.

Justeru, dalam hal bermasyarakat, sensitivi manusia terhadap agama anutannya haruslah ditangani dengan baik. Perbandingan antara agama-agama di dunia melalui penelitian secara mendalam terhadap ajaran dalam agamanya pasti dapat menonjolkan persamaan dan perbezaan yang wujud. Pengetahuan terhadap hal ini sudah pasti akan memudahkan usaha menangani konflik yang wujud dengan penuh kebijaksanaan. Bahkan, dalam pembinaan tamadun yang berlatar belakangkan pelbagai bangsa, keperluan terhadap hal ini perlu ditekankan dalam semua peringkat masyarakat. Perbezaan-perbezaan yang tidak difahami secara tuntas menyebabkan ketegangan yang berlaku antara umat beragama tidak pernah surut.

#### **e. Keikhlasan untuk saling mengenali**

Melalui *Kitāb al-Hind*, sikap dan pendirian beliau terhadap penulisan mengenai masyarakat di India sangat jelas iaitu untuk menghuraikan mengenai kepercayaan mereka dalam pelbagai perkara dan mempersembahkan kajian tersebut secara terperinci supaya dapat dimanfaatkan oleh pengkaji-pengkaji lain. Ia berdasarkan pernyataannya seperti berikut:

*"I shall place before the reader the theories of the Hindus exactly as there are..."*<sup>50</sup>

*"...in order to please him (Abu Sahl), I done so..."*<sup>51</sup>

#### **Kesimpulan**

Pemeraksanaan keharmonian masyarakat memerlukan usaha yang jitu dari pelbagai pihak. Aspek kepercayaan dan keyakinan terhadap tuhan merupakan suatu fitrah semulajadi yang wujud dalam diri manusia. Oleh kerana

---

<sup>50</sup> Sachau, *Al-Beruni's India*, 7.

<sup>51</sup> *Ibid.*

itu, manusia akan sentiasa berusaha untuk mempertahankan keyakinan tersebut bagi memperkukuhkan dan membuktikan keabsahan keyakinannya. Justeru, kebijaksanaan dalam menanggapi pelbagai perkara yang berhubungan dengan kepercayaan manusia perlu digembelengkan.

Berdasarkan sorotan terhadap pendekatan al-Bīrūnī melalui karyanya *Kitāb al-Hind*, kita dapat menyimpulkan beberapa pendekatannya menguasai kefahaman masyarakat di India terutamanya mengenai keyakinan masyarakatnya dalam beragama. Pendekatan tersebut diyakini menjadi pendorong kepada manusia mendepani perbezaan-perbezaan dalam beragama serta menyediakan kaedah menangani persengketaan dengan cara yang lebih berkesan.

### **Rujukan**

- Al-Bīrūnī, Abū Rayḥān Muḥammad Ibn Aḥmad. *Taḥqīq mā lī al-Hīnd min Maqūlah Maqbūlah fī al-'Aql au Marzūlah*. Hyderabad: Matba'ah Majālis Dāirah al-Ma`ārif al-`Uthmāniyyah, 1958.
- Al-Bukhārī. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li al-Imām Abī `Abdillāh Muḥammad bin Ismā`īl*, Juz 5. Beirut: Dār Ibn Kathīr dan Al-Yamāmah, t.t.
- Anas Malik Toha. "Objectivity and the Scientific Study of Religion," *Intellectual Discourse* 17 (2009): 83-92.
- Bobojan Gaforov. "Al-Biruni: A Universal Genius Who Lived in Central Asia a Thousand Years Ago." Dalam *The Unesco Courier*. New York: H. W. Wilson Co., 1974.
- Boilet, Jacques. "The Long Oddysey in the Footsteps of Muslim Scholar Through A World In Ferment." Dalam *The Unesco Courier* (1974): 10-13.
- Ghayasuddin. "Varahamihira, the Best Sanskrit Source of al-Biruni on India Jyotisha." (Makalah, Proceedings of the Symposium on al-Biruni and Indian Sciences, 1971).

- Harun Yahya. *The Struggle Against the Religion of Irreligion*. Jeddah: Abul-Qasim Publishing House, 2002.
- Hazizan Md. Noon. *et. al.* "Religiosity and Social Problem in Malaysia," *Intellectual Discourse* 11 (2003): 77-87.
- Hilman Latief. "Comparative Religion in Medieval Muslim Literature," *The American Journal of Islamic Social Sciences* 23 (t.t.): 28-62.
- Huntington, Samuel P. *Clash of Civilization and the Remaking of World Order 1*. USA: Simon & Schuster, 1996.
- Ibn Khaldun, Muhammad. *Mukadimah Ibn Khaldun*, terj. DBP. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Kamal Ateman. *Understanding Other Religion: Al-Biruni and Gadamer's Fusion of Horizon*. Washington DC: Council for Research in Values and Philosophy, 2008.
- Kamar Oniah Kamaruzzaman. "Early Muslim Scholarship in Religionwissencharft: A Case Study of the Works and Contributions of Abu Rayhan Muhammad Ibn Ahmad al-Biruni." Tesis kedoktoran, ISTAC, Kuala Lumpur, 1996.
- Kamar Oniah Kamaruzzaman. "Al-Biruni: Father of Comparative Religion," *Intellectual Discourse* 11 (2003): 113-138.
- Mahdi Shuid. "Terminologi Peradaban: Sukar Didefinisikan Mudah Dijelaskan." Dalam *Wacana Dialog Peradaban 1*, 2000.
- Mahmud Ali Himyah. *Ibn Ḥazm wa Minhājūh fī Dirāsah al-Adyān*, terj. Jakarta: Penerbit Lentera, 2001.
- Mohd Sani Badron. *Ibn Arabi's Conception of Religion*. Kuala Lumpur: IKIM, 2012.
- Muhammad Qutb. *Salah Faham Terhadap Islam*, terj. Kota Bahru: Dian Darul Naim, 1975.
- Sachau, Edward. *The Chronology of Ancient Nations*. London: Whilliam H. Allen & Co., 1879.

Samsuddin & Khadijah, "Pemeriksaan Keharmonian Masyarakat Beragama,"  
*Afkar* 16 (Januari-Juni 2015): 1-30

- Sachau, Edward. *Al-Beruni's India*. London: Kegan Paul, Trench, Trubner & Co. Ltd., 1910.
- Samsuddin Abd Hamid. "Konsep Monoteisme dalam Aliran Saivisme: Analisis Menurut Perspektif Islam." Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.
- Savinder Kaul Gill dan Nirmala Devi Gopal. "Understanding Indian Religious Practices in Malaysia," *Journal of Social Science* (2010): 135-146.
- Syed Naquib al-Attas. *Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2012.
- Thameem Ushama dan Abdul Rashid Moten. "Non-Muslim Views About Muslim and Islam in Malaysia," *Intellectual Discourse* 14 (2006): 203-215.

Samsuddin & Khadijah, "Pemeriksaan Keharmonian Masyarakat Beragama,"  
*Afkār* 16 (Januari-Jun 2015): 1-30